

BULETIN RMC

RESEARCH MANAGEMENT CENTRE

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN



**“ MAJLIS PENUTUP
PERUSAHAAN SOSIAL (SOCIAL ENTERPRISE) - KEMENTERIAN KEWANGAN
(SE-MoF) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) ”**



MESYUARAT PELAKSANAAN CORE INITIATIVE PROJECT (CIP) SKTU 2024 : MENTORING PROFESSOR

SUMBANGAN PAKAIAN TERPAKAI UNTUK ALMARI RAHMAH MASJID SULTAN IBRAHIM UTHM

SESUAI TAKLIMAT PEMANTAPAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MyLAB) 1/2024



SIDANG REDAKSI

Penasihat

Prof. Dr. Nafarizal Nayan

Ketua Editor

Dr. Saizalmursidi Md Mustam
Prof. Madya Ts. Dr. Alias Masek

Sidang Redaksi

Pn. Alhana Anuar
Cik Aimi Syahida Ahmad Yani
Cik Nurul Huda Abdul Rahman
Pn. Siti Solehah Tenah
Pn. Suhaila Othman

Fotografi

Mohd Faiq Azhar
Mohamad Fairuz Nor Yazid

Grafik

Mohd Faiq Azhar

Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat
Johor, Malaysia



www.rmc.edu.my



ISI KANDUNGAN

Sejambak Kasih, Sekalung Budi	02
Sharing Session on United Kingdom Research Fund	06
FKAAB Staf Development Week	07
Lawatan Tapak & Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (JKP) Bagi Program Perusahaan Sosial SE-MOF	08
Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK)	10
Program Audit Dalaman MyRA	11
Sumbangan Pakaian Terpakai	12
Lawatan Penanda Aras Politeknik Syed Nasir Syed Ismail	13
Pembentangan Permohonan Geran Baharu	14
Audit EKSA	15
Sesi Penilaian Geran PPRN 2.0	16
Sesi Pemantauan Kemajuan Geran - Permohonan Pelanjutan Geran Industri	17
Majlis Penutup Perusahaan Sosial Kementerian Kewangan (SE-MOF) UTHM	18
Pencapaian KPI Pusat Pengurusan Penyelidikan 2024	19
Nukilan Karya Staf RMC	21



Kata Aluan Pengarah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

، السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ، dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat-Nya, Buletin RMC 2024 berjaya diterbitkan.

Pendidikan tinggi di Malaysia terus berkembang seiring dengan lima fokus utama meningkatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara, salah satunya adalah pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi bagi manfaat masyarakat, ekonomi, dan pembangunan negara.

Sebagai pusat pengurusan penyelidikan utama UTHM, RMC komited memperkasa penyelidikan berimpak tinggi, memperkuuh kerjasama dengan industri dan agensi luar serta menyokong aspirasi universiti kearah Global Technopreneur University (GTU) 2030.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga RMC atas pencapaian cemerlang. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada usaha lebih gemilang.

Akhir kata, semoga Buletin RMC 2024 menjadi platform perkongsian ilmu yang bermanfaat.

"Integriti ke Arah Penyelidikan Berkualiti"

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Nafarizal Bin Nayan
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH


Setinggi-tinggi

TAHNIAH

Prof. Dr Nafarizal Bin Nayan

atas pelantikan semula sebagai

**Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan**

berkuat kuasa mulai

**1 Januari 2025 hingga
31 Disember 2026**

Ikhlas dari,
Seluruh keluarga Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

RMC Towards excellence
IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT

Global Technopreneur
University 2030
UTHM Johor www.utm.edu.my



UTHM

TAHNIAH

Dr. Saizalmursidi Bin Md Mustam

atas pelantikan sebagai

**Timbalan Pengarah
(Pengurusan Geran Penyelidikan)
Pusat Pengurusan Penyelidikan**

berkuat kuasa mulai
**1 Januari 2025 hingga 31
Disember 2026**

Ikhlas dari,
Pengarah & seluruh keluarga Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

RMC Towards excellence
IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT

Global Technopreneur
University 2030
UTHM Johor www.utm.edu.my


Setinggi-tinggi

TAHNIAH

Prof. Madya Ts. Dr. Alias Bin Masek

atas pelantikan sebagai

**Timbalan Pengarah
(Strategi dan Pembangunan)
Pusat Pengurusan Penyelidikan**

berkuat kuasa mulai
**1 Januari 2025 hingga 31
Disember 2026**

Ikhlas dari,
Pengarah & seluruh keluarga Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

RMC Towards excellence
IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT

Global Technopreneur
University 2030
UTHM Johor www.utm.edu.my



Towards excellence

IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT

<https://rmc.utm.edu.my>

Global Technopreneur
University 2030

UTHM Johor www.utm.edu.my



SEKALUNG BUDI, SEJAMBAK KASIH



Setinggi-tinggi

Penghargaan dan Terima Kasih


PROF. MADYA TS. DR. SURAYA HANI BINTI ADNAN

Sepanjang berkhidmat sebagai

Timbalan Pengarah
(Bahagian Pengurusan Geran)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ikhlas daripada,
Pengarah Serta Seluruh Warga Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan

RMC | Towards excellence IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT
INTEGRITY TO QUALITY RESEARCH <https://rmc.uthm.edu.my> youtube.com/@rmcuthm7218 [@rmcuthm](#)

Setinggi-tinggi

Penghargaan dan Terima Kasih

PUAN SARENA BINTI KADENI

Sepanjang berkhidmat sebagai

Pembantu Tadbir Kanan
(Bahagian Pengurusan Geran)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ikhlas daripada,
Pengarah Serta Seluruh Warga Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan

RMC | Towards excellence IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT
INTEGRITY TO QUALITY RESEARCH <https://rmc.uthm.edu.my> youtube.com/@rmcuthm7218 [@rmcuthm](#)



Setinggi-tinggi

Penghargaan dan Terima Kasih

PUAN SAMSIAH BINTI TOMIRAN

Sepanjang berkhidmat sebagai

Pembantu Eksekutif
(Bahagian Pengurusan Geran)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ikhlas daripada,
Pengarah Serta Seluruh Warga Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan

RMC | Towards excellence IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT
INTEGRITY TO QUALITY RESEARCH <https://rmc.uthm.edu.my> youtube.com/@rmcuthm7218 [@rmcuthm](#)




SEKALUNG BUDI, SEJAMBAK KASIH



Setinggi-tinggi
Penghargaan
dan **Terima Kasih**

CIK NOR FAZLINA BINTI BAHARIM

Sepanjang berkhidmat sebagai
Pembantu Eksekutif
(Bahagian Pengurusan Geran)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ikhlas daripada,
Pengarah Serta Seluruh Warga Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan

RMC | *Towards excellence*
INTEGRITY TO QUALITY RESEARCH | IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT
<https://rmc.uthm.edu.my> youtube.com/@rmcuthm7218 [@rmcuthm](#)



Setinggi-tinggi
Penghargaan
dan **Terima Kasih**

EN MOHAMAD FAIRUZ BIN NOR YAZID

Sepanjang berkhidmat sebagai
Pembantu Tadbir Sambilan
(Bahagian Pengurusan Geran)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ikhlas daripada,
Pengarah Serta Seluruh Warga Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan

RMC | *Towards excellence*
INTEGRITY TO QUALITY RESEARCH | IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT
<https://rmc.uthm.edu.my> youtube.com/@rmcuthm7218 [@rmcuthm](#)



Setinggi-tinggi
Penghargaan
dan **Terima Kasih**

CIK NURUL FATHIAH BINTI MOHD RAZALI

Sepanjang berkhidmat sebagai
Pembantu Penyelidik
(Bahagian Strategi dan Pembangunan)
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Ikhlas daripada,
Pengarah Serta Seluruh Warga Kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan

RMC | *Towards excellence*
INTEGRITY TO QUALITY RESEARCH | IN MANAGING RESEARCH FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT
<https://rmc.uthm.edu.my> youtube.com/@rmcuthm7218 [@rmcuthm](#)




“

SELAMAT DATANG





“ SHARING SESSION ON UNITED KINGDOM RESEARCH FUNDS ”

9 Jan 2024 (Selasa) | Dewan Jemaah Aras 5, PTTA, UTHM

Satu mesyuarat “kick-off” bagi pelaksanaan inisiatif Sistem Mentoring Penerbitan Berimpak, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), telah diadakan. Inisiatif ini melibatkan profesor-profesor UTHM yang tidak memegang berjawatan giliran dan penyelidik muda terpilih untuk meningkatkan penerbitan berimpak tinggi.



“ TAKLIMAT PENERANGAN GLOSARI MYRA® (PINDAAN 2023) KEPADA PEMILIK DATA MYRA® UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA ”

16 Jan 2024 (Selasa) | Taklimat Penerangan Glosari MyRA® (Pindaan 2023) telah diadakan untuk Pemilik Data MyRA® Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Sesi ini disampaikan oleh Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Bin Shahidan bagi memperjelas pindaan terkini dalam pengurusan data MyRA®



“ SESI LAWATAN INDUSTRI KE GEEN SCREW INDUSTRIES SDN BHD ”

16 Jan 2024 (Selasa) | Sesi Lawatan ke Geen Screw Industries Sdn Bhd diadakan bagi membincangkan kerjasama projek penyelidikan antara industri, RMC, dan penyelidik. Program ini mengukuhkan hubungan akademik dan industri.





FKAAB STAF DEVELOPMENT WEEK - TAKLIMAT PENGURUSAN GERAN

28 Februari 2024 (Rabu) | FKAAB Staff Development Week berlangsung dengan jayanya pada Rabu melalui sesi Taklimat Pengurusan Geran yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Suraya Hani bt Adnan.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran staf dalam pengurusan geran penyelidikan. Turut hadir memeriahkan sesi tersebut ialah Cik Nurul Huda bt Abdul Rahman dan Cik Aimi Syahida bt Ahmad Yani, yang memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif pembangunan profesional ini.

SESI PEMBENTANGAN LAPORAN AKHIR PELAKSANAAN KKP TAHUN 2020

29 Februari 2024 (Khamis) | Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia telah menganjurkan Sesi Pembentangan Laporan Akhir Pelaksanaan KKP Tahun 2020 pada Khamis, bertempat di ibu pejabat KPT.

Program ini bertujuan untuk membentangkan pencapaian dan hasil pelaksanaan program KKP sepanjang tahun 2020.



SESI TAKLIMAT DAN MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PROJEK PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 TAHUN 2024 OLEH YBHG. DATO' DR. HAJI MEGAT SANY BIN MEGAT AHMAD SUPIAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

7 Mac 2024 (Khamis) | YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pendidikan Tinggi, telah menyempurnakan sesi taklimat dan majlis penyerahan surat tawaran Projek Public-Private Research Network (PPRN) 2.0 Tahun 2024 di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya. Antara yang hadir adalah Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin, dan wakil syarikat Cybersolution Technologies Sdn Bhd serta Glide Technology Sdn Bhd. Majlis ini membuka peluang kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam penyelidikan.



“

LAWATAN TAPAK DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU (JKP) BAGI PROGRAM PERUSAHAAN SOSIAL (SOCIAL ENTERPRISE) KEMENTERIAN KEWANGAN (SE-MOF) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) BIL.1/2024




13 Mac 2024 (Rabu) | Satu lawatan tapak dan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (JKP) bagi Program Perusahaan Sosial Kementerian Kewangan (Se-MoF) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Bil.1/2024 telah diadakan. Lawatan tapak dijalankan di Kompleks Penghulu Mukim Ayer Hitam, Muar hingga Parit Sulong, Muar. Seterusnya, mesyuarat diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 5 PTTA UTHM untuk membincangkan perkembangan dan perancangan lanjut program tersebut.

MUNJUNG DARI PROF. TS DR RABIAH AHMAD (TNCPI) UTHM
KEPADА STAF RMC

“

21 Mac 2024 (Khamis) | Staf Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RMC) UTHM menerima kunjungan daripada Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, TNCPI UTHM. Pihak RMC mengucapkan terima kasih atas kesudian Prof. Ts. Dr. Rabiah untuk meluangkan masa bersama kami. Semoga Prof. Ts. Dr. Rabiah terus dikurniakan rezeki yang melimpah dan kesihatan yang baik. Aaminn.



SESI PEMBENTANGAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) 2024



18 April 2024 (Khamis) | Satu sesi pembentangan permohonan bagi Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototip (PRGS) 2024 telah diadakan di Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sesi ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik dan institusi pengajian tinggi untuk membentangkan projek penyelidikan yang berfokus pada pembangunan prototaip, yang diharapkan dapat memberi impak positif dalam bidang inovasi dan teknologi.

TAKLIMAT SENARIO PENERBITAN DI MALAYSIA DAN PENANDA ARAS PRESTASI PENYELIDIKAN UTHM DAN MTUN

21 April 2024 (Ahad) | Dr. Mohd Farhanulhakim bin Mohd Razip Wee, Ketua Penolong Pengarah Kanan KPT, telah menyampaikan taklimat di UTHM mengenai penerbitan di Malaysia dan prestasi penyelidikan UTHM serta MTUN. Taklimat tersebut membincangkan strategi meningkatkan kualiti, impak penyelidikan, dan reputasi akademik melalui penerbitan jurnal berimpak tinggi, dengan kehadiran staf akademik dan penyelidik.



SESI PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH TABUNG AMANAH KONSERVASI SUMBER ASLI NASIONAL (NCTF)



23 April 2024 (Selasa) | Sesi pemantauan projek Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF) berlangsung pada 23-24 April 2024 di Taman Negara Ayer Hitam, Muar, dan UTHM. Acara ini menilai kemajuan projek konservasi sumber asli, melibatkan lawatan lapangan dan mesyuarat penilaian. Dihadiri oleh tokoh seperti Dato' Fakhru Hatta dan Dr. Melvin Terry Gumal, program ini mengukuhkan kerjasama antara penyelidik dan pihak berkepentingan untuk kelestarian alam sekitar.

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA (JKK) PROGRAM PERUSAHAAN SOSIAL KEMENTERIAN KEWANGAN (SE-MOF) -UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) BILANGAN 1 TAHUN 2024 DAN LAWATAN TAPAK PROJEK



30 April 2024 (Selasa) | Mesyuarat JKK SE-MOF - UTHM Bil. 1/2024 diadakan bersama lawatan tapak dua projek: Projek Ternakan Ayam DIY Komuniti B40 Parit Sulong oleh Prof. Madya Dr. Nadirul Hasrat dan Community Living Laboratory Mukim Ayer Hitam oleh Ts. Dr. Nor Azizi Yusoff. Lawatan berlangsung di Kompleks Penghulu Mukim Ayer Hitam

SESI PENILAIAN PERMOHONAN PROJEK PENYELIDIKAN DI BAWAH DANA PENYELIDIKAN PADANAN ANTARABANGSA (MyPAIR) - MALAYSIA-SPAIN INNOVATING PROGRAMME (MySIP) 2023.

9 Mei 2024 (Khamis) | Sesi Penilaian Permohonan Projek Penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan Padanan Antarabangsa (MyPAIR) - Malaysia-Spain Innovating Programme (MySIP) 2023 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Thabrani, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Presint 5. Program ini bertujuan menilai projek penyelidikan bagi mengukuhkan kerjasama antarabangsa.



MESYUARAT PELAKSANAAN CORE INITIATIVE PROJECT (CIP) SKTU 2024 : MENTORING PROFESSOR



6 Jun 2024 (Khamis) | Dewan Jemaah Aras 5, PTTA, UTHM Satu mesyuarat "kick-off" bagi pelaksanaan inisiatif Sistem Mentoring Penerbitan Berimpak, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), telah diadakan. Inisiatif ini melibatkan profesor-profesor UTHM yang tidak memegang berjawatan giliran dan penyelidik muda terpilih untuk meningkatkan penerbitan berimpak tinggi.


PROGRAM AUDIT DALAM MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT (MyRA) TAHUN 2024 BAGI DATA MyRA 2023 UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

11 Jun 2024 (Selasa) | Pusat Pengurusan Penyelidikan UTHM mengadakan Program Audit Dalam Malaysia Research Assessment (MyRA) 2024 bagi data MyRA 2023 di Bilik Persidangan, Bangunan Penyelidikan F6. Program ini melibatkan profesor-profesor UTHM sebagai Juru Audit MyRA, termasuk Prof. Ts. Dr. Rosziati Ibrahim (Ketua Juru Audit), Prof. Ts. Dr. Amir Khalid, Prof. Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira Radin Mohamed, Prof. Ir. Dr. Mohd Amri Lajis, dan Prof. Ts. Dr. Mohd Farhan Md. Fudzee. Program ini diharapkan menyumbang kepada pembangunan universiti di masa hadapan.



PERLANTIKAN SEMULA SEBAGAI TIMBALAN PENGARAH (BAHAGIAN STRATEGIK DAN PEMBANGUNAN) PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) UTHM

1 Julai 2024 (Isnin) | Disampaikan oleh yang berbahagia Prof. Rabiah TNCPI UTHM. Perlantikan ini adalah selama 2 tahun yang bermula dari 1 Julai 2024 hingga 30 Jun 2026



Sumbangan Pakaian Terpakai untuk Almari Rahmah
Masjid Sultan Ibrahim UTHM

1 Julai 2024 (Isnin) | 150 Helai Pakaian Terpakai untuk ALMARI RAHMAH Masjid Sultan Ibrahim UTHM telah Berjaya Dikumpulkan dan Disumbangkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Bagi menyokong inisiatif Pusat Islam UTHM yang telah mewujudkan ruang Almari Rahmah di tingkat bawah Masjid Sultan Ibrahim,

RMC menerusi RMC Club selaku penyelaras bagi PTj telah berjaya mengumpulkan dan menyerahkan pakaian terpakai yang masih dalam keadaan elok untuk disumbangkan kepada Almari Rahmah. Semoga usaha ini dapat membantu pihak yang memerlukan.



SESI TAKLIMAT KEPADA PENERIMA SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) DAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) TAHUN 2024 UTHM

9 Julai 2024 (Selasa) | Sesi taklimat untuk penerima Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Tahun 2024. Bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Penyelidikan F6, taklimat ini dihadiri oleh 36 penerima FRGS dan 3 penerima PRGS. Program ini bertujuan memberi panduan pengurusan geran, pendaftaran sistem MyGRANTS & ORKED, serta dokumentasi perjanjian geran. Taklimat disampaikan oleh Prof. Dr. Nafarizal Nayan dan Cik Nurul Huda Abdul Rahman dari RMC.





LAWATAN PENANDA ARAS UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL KE PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) UTHM

30 Julai 2024 (Selasa) | Unit Penyelidikan, Inovasi, dan Pengkomersialan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM. Program berlangsung di Bilik Mesyuarat Aras 2, PTTA. Lawatan ini diharapkan memberi manfaat kepada pembangunan kedua-dua institusi pada masa akan datang.


LAWATAN PETRONAS RESEARCH SDN BHD (PRSB) KE PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN RMC UTHM

7 Ogos 2024 (Rabu) | Petronas Research Sdn Bhd (PRSB) mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM. Program berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di Bilik Persidangan, Bangunan Penyelidikan F6. Lawatan ini diharapkan memberi manfaat kepada pembangunan bersama antara kedua-dua pihak.



MESYUARAT JAWATANKUASA STRATEGI DAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (JSPP) BIL.04/2024

26 Ogos 2024 (Isnin) | Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Pengurusan Penyelidikan (JSPP) Bil. 04/2024 diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Penyelidikan F6, UTHM, dari jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir. Mesyuarat ini diharapkan memberi manfaat kepada semua pihak pada masa hadapan.



**PEMBENTANGAN PERMOHONAN GERAN
BAHARU – CERAN SEPADAN BIL. 3/2024**

8 September 2024 (Ahad) | pembentangan permohonan Geran Sepadan Bil. 3/2024 berlangsung dengan kehadiran Prof. Dr. Nafarizal Nayan, Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani Adnan, Prof. Ir. Dr. Chan Chee Ming, Prof. Madya Ir. Dr. Saliza Azlina Osman, dan Cik Aimi Syahida Ahmad Yani. Sesi ini bertujuan memperincikan permohonan geran baharu bagi menyokong usaha penyelidikan universiti.


AUDIT SUSTAINABLE CAMPUS OFFICE (SCO)

10 September 2024 (Selasa) | Telah berlangsung Audit Sustainable Campus Office (SCO) pada 10 September 2024 lepas. Pada sesi audit ini yang dihadiri oleh En. Mohd Syarifudin Bin Aris dan En. Mohd Hafiz Bin Sadiran wakil dari pejabat SCO UTHM. Sesi ini disantuni oleh Puan Shazlina Binti Kasim@Kassim selaku penyelaras SCO di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Puan Nurul Asikin Binti Nordin.


PERBINCANGAN KERJASAMA PENYELIDIKAN DIANTARA KUALA LUMPUR METROPOLITAN UNIVERSITY COLLEGE (KLMUC) DAN UTHM

11 September 2024 (Rabu) | Perbincangan kerjasama penyelidikan antara Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan UTHM berlangsung di Bilik Kaca, Aras 5, Pejabat Canselor, Perpustakaan Tunku Tun Aminah pada jam 3.00 petang. Perbincangan melibatkan Yang Berhormat Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim (Naib Canselor UTHM), Profesor Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar (Naib Canselor KLMUC), Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad, dan delegasi lain. Program ini diharapkan memperkuuh hubungan kerjasama penyelidikan antara kedua-dua institusi.



EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



12 September 2024 (Khamis) | Satu sesi Audit EKSA telah dijalankan di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan dihadiri oleh wakil EKSA UTHM iaitu Puan Lisa Mariam Syawal Binti Ismail dan juga Puan Zalinah Binti Salehon (Ketua Bahagian Peningkatan Kualiti UTHM). Sesi ini disantuni oleh Puan Nurul Asikin Binti Nordin selaku penyelaras EKSA di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).



SESI 'PROJECT PITCHING' CADANGAN PROJEK BAGI PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MYLAB) 1/2024

5 Oktober 2024 (Sabtu) | Sesi 'Project Pitching' bagi permohonan Geran Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) 1/2024 diadakan. Sesi ini dihadiri oleh Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad (TNCPI), Prof. Dr. Mas Fawzi Mohd Ali, Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani Adnan, dan wakil dari Hijrah Water Sdn. Bhd. serta Glide Technology Sdn. Bhd. Sesi ini bertujuan untuk membincangkan cadangan projek penyelidikan yang melibatkan kerjasama antara akademik dan industri.

SESI TAKLIMAT KEPADA PENERIMA SKIM GERAN FUNDAMENTAL PENYELIDIK MUDA (EARLY CAREER RESEARCHER) (FRGS-EC) TAHUN 2024



6 Oktober 2024 (Ahad) | Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani binti Adnan (Timbalan Pengarah (Pengurusan Penyelidikan), Cik Nurul Huda binti Abdul Rahman (Pegawai Penyelidik) serta Puan Alhana binti Anuar (Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Aset)





SESI PENILAIAN GERAN PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 FASA 3/2024

10 Oktober 2024 (Khamis) | Sesi penilaian Geran Public-Private Research Network (PPRN) 2.0 Fasa 3/2024 ini bertujuan menilai permohonan geran yang melibatkan kerjasama penyelidikan antara sektor awam dan swasta.

SESI TAKLIMAT PEMANTAPAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MYLAB) 1/2024

14 Oktober 2024 (Isnin) | Sesi taklimat pemantapan penyediaan dokumen permohonan Geran Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) 1/2024 diadakan di Dewan Jamuan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya, dari jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Kehadiran termasuk Prof. Dr. Mas Fawzi Mohd Ali, Dr. Rais Hanizam Madon, Ts. Dr. Amirul Syafiq Sadun, dan wakil dari MPOB, Glide Technology Sdn. Bhd., serta Hijrah Water Sdn. Bhd. Sesi ini bertujuan untuk memperkuuh aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTHM.



SESI PENILAIAN PITCHING PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN PROGRAM PADANAN INDUSTRI (IMAP) FASA 3 TAHUN 2024

15 Oktober 2024 (Selasa) | Sesi penilaian pitching permohonan Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (IMaP) Fasa 3 Tahun 2024 diadakan di Aras 7, BKPI, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, dari jam 10.00 pagi hingga 2.30 petang. Kehadiran termasuk Prof. Dr. Nafarizal Nayan, Ts. Dr. Tuan Noor Hasanah Tuan Ismail, Ts. Dr. Tengku Nur Azila Raja Mamat, dan wakil-wakil dari FTK, FAST, serta RMC. Sesi ini bertujuan memperkuuh aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTHM.





SESI PEMANTAUAN KEMAJUAN GERAN BIL.4/2024 - PERMOHONAN PELANJUTAN GERAN INDUSTRI

21 Oktober 2024 (Isnin) | Sesi pemantauan kemajuan Geran Bil. 4/2024 untuk permohonan pelanjutan geran industri diadakan secara dalam talian melalui Google Meet, dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Kehadiran termasuk Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani Adnan, Prof. Madya Ts. Dr. Noraini Masri, Prof. Madya Ts. Dr. Sasitharan Nagapan, dan tokoh akademik lain dari FTK, FKAAB, FKEE, serta RMC. Sesi ini bertujuan untuk memantau kemajuan projek geran industri yang dipohon.

30 OKTOBER 2024 (RABU) | PENGHANTARAN DOKUMEN CADANGAN PUENUH (FULL PROPOSAL) BAGI PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MYLAB) 1/2024 DI KPT PUTRAJAYA.



LAWATAN TAPAK BAGI PROGRAM PERUSAHAAN SOSIAL (SOCIAL ENTERPRISE) KEMENTERIAN KEWANGAN (SE-MOF) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

27 November 2024 (Rabu) | Lawatan dari Pusat Pengurusan Penyelidikan ini turut dihadiri Puan Nor Azura binti Mohd Yusof, Ketua Seksyen, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia, Prof. Madya Ts. Dr. Suraya Hani binti Adnan, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (Bahagian Pengurusan Geran), Prof. Madya Dr. Nadirul Hasraf bin Mat Nayan Ketua Projek UTHM, Ts. Dr. Nor Azizi bin Yusoff Ketua Projek UTHM, Cik Nurul Huda binti Abdul Rahman, Pengurus Geran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan penerima-penerima manfaat dalam kalangan kumpulan komuniti Parit Sulong & Ayer Hitam, Muar, Johor.





MAJLIS PENUTUP PERUSAHAAN SOSIAL (SOCIAL ENTERPRISE) KEMENTERIAN KEWANGAN (SE-MOF) UTHM

28 November 2024 (Khamis) | Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah mengadakan Majlis Penutup Perusahaan Sosial (Social Enterprise) Kementerian Kewangan (SE-MoF) di Dewan Jamuan Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM dan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM kepada penerima manfaat dalam kalangan kumpulan komuniti Parit Sulong & Ayer Hitam, Muar, Johor.



PEMBENTANGAN PERMOHONAN BAHARU – GERAN SEPADAN BIL. 4/2024

“

3 Disember 2024 (Selasa) | pembentangan permohonan baharu Geran Sepadan Bil. 4/2024 diadakan di Bilik Taklimat, Aras Bawah Bangunan Pusat Penyelidikan, Blok F6, dari jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi. Pemohon geran termasuk Dr. Nordiana Azlin Othman (FKEE) dan Prof. Madya Dr. Shahreen Kasim (FSKTM). Kehadiran dalam sesi ini termasuk Dr. Saizalmursidi Md Mustam (RMC) dan Cik Aimi Syahida Ahmad Yani (RMC). Sesi ini bertujuan untuk membincangkan permohonan geran penyelidikan baharu.



SESI PEMBENTANGAN CADANGAN PROJEK BAGI PERMOHONAN GERAN MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MYLAB) 1/2024

6 Disember 2024 (Jumaat) | Sesi pembentangan cadangan projek bagi permohonan Geran Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration (MyLAB) 1/2024 diadakan di Executive Meeting Room, Mövenpick Hotel & Convention Centre KLIA, dari jam 11.35 pagi hingga 12.25 tengah hari. Kehadiran termasuk Prof. Dr. Nafarizal Nayan (RMC), Ts. Dr. Amirul Syafiq Sadun, Ts. Dr. Abd Fathul Hakim Zulkifli, serta wakil dari Hijrah Water Sdn. Bhd. dan ICC. Sesi ini bertujuan untuk memperkuuh aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTHM.




PENCAPAIAN KPI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN 2024


DANA PENYELIDIKAN




JUMLAH PENERBITAN



JUMLAH PENYELIDIK UTAMA



JUMLAH PROJEK PENYELIDIKAN MELALUI POTONGAN CUKAI BERGANDA






KEIKHLASAN BEKERJA

Tulus berdinas, hasilnya barokah,
 Niat ikhlas, pahala disemai,
 Gaji berkat, hati pun lapang,
 Amanah dijaga, Allah berkat.

Kepimpinan itu amanah suci,
 Tanggungjawab duniawi ukhrawi,
 Berat dipikul, besar ganjaran,
 Jika ditunaikan dengan keimanan.

Pekerjaan ini satu ibadah,
 Baiknya ibadah, baiklah hidup,
 Keikhlasan bukan erti kalah,
 Tetapi pasrah yang indah dan utuh.

Tiada keluhan, hanya usaha,
 Fokus tinggi, prestasi dijulang,
 Bukan banyak yang dikehendaki,
 Tapi keberkatan yang diharap.



Rezeki itu kasih Allah,
 Ikhlas bekerja, jiwa tenang,
 Selalu ada cahaya indah,
 Bagi yang berjuang tanpa lelah.

Masalah hadir, mendidik jiwa,
 Mematangkan, bukan mematahkan,
 Bekerja bukan hanya soal hasil,
 Tetapi jalan penuh amanah dan tekad.

Allah melihat setiap usaha,
 Maka bekerjalah sebaik mungkin,
 Belajar dari silap semalam,
 Terus melangkah, terus berjuang.

Kesempatan ada untuk semua,
 Jangan menyerah, terus semangat,
 Kerana ikhlas dalam bekerja,
 Adalah kunci bahagia dan berkat.

-NUKILAN KARYA STAF RMC-

